

NO SOALAN :18**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 08.11.2017

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan daripada 60 pegawai dan kakitangan kastam yang bekerja di Senari Port Kuching. Sila senaraikan dalam jadual mengikut gred berdasarkan asal negeri serta tempoh bekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini jumlah pegawai dan kakitangan kastam yang bertugas di Senari Port Kuching adalah seramai 60 orang yang terdiri daripada pelbagai gred dan diketuai oleh Penolong Kanan Pengarah Kastam I bergred WK52. Dari jumlah tersebut, seramai 48 orang berasal dari Sarawak dan baki

seramai 12 orang berasal dari luar Sarawak. Dari segi tempoh bekerja, adalah didapati 32 orang telah bekerja dalam tempoh masa di antara 1 tahun hingga 6 tahun manakala baki 28 orang telah bekerja kurang dari tempoh 1 tahun.